

09 MAY 1996

Razaleigh-Reaksi (Nik Aziz)

KU LI MASUK UMNO SELESAI SEMUA MASALAH DI KELANTAN, KATA NIK AZIZ

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tindakan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah kembali ke pangkuan Umno akan mengukuhkan lagi perpaduan orang Melayu di negara ini dan membantu menyelesaikan banyak masalah yang timbul di Kelantan sejak kebelakangan ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Tengku Razaleigh kerana mengambil langkah itu, Nik Aziz berkata, tindakan Tengku Razaleigh jelas menunjukkan Presiden S46 itu menyokong Umno, sekali gus bermakna menyokong juga langkah Umno meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan kuasa raja-raja.

"Insya-Allah (perpaduan Melayu semakin kukuh). Dalam isu yang timbul di Kelantan mengenai pindaan perlembagaan, nampaknya (dengan) kemasukan Tengku Razaleigh ini secara tak langsung mereka menyokong pindaan ini kerana kami hanya menerima pakai apa yang telah dibuat oleh pihak Pusat.

"Bila mereka masuk Umno hari ini, mereka menyokong apa yang telah dibuat oleh (kerajaan) Pusat," katanya ketika diminta mengulas pengesahan malam tadi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Tengku Razalrigh akan menyertai semula Umno.

Nik Aziz berada di sini kerana menghadiri perasmian ibu pejabat korporat Koperasi Usaha Bersatu (KUB) dan majlis menandatangani perjanjian antara Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan KUB oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Nik Aziz berkata, tindakan Tengku Razaleigh itu merupakan perkara biasa di kalangan golongan yang berpegang kepada demokrasi.

"Bagi orang yang berpegang kepada demokrasi, lompat-melompat ni perkara biasa bagi mereka. Tapi bagi saya banyak masalah yang timbul di Kelantan dapat reda, dapat ranap dengan sendirinya.

"Mereka berhak terima tahniah daripada saya kerana mereka sudah selesaikan banyak masalah di Kelantan," katanya.

Ketika ditanya sama ada Razaleigh merupakan punca utama segala masalah yang timbul di negeri Kelantan sejak akhir-akhir ini, beliau berkata : "Dalam sehari dua ni memang tak pasal-pasal mereka berlawan dengan saya. Tak pasal-pasal".

Bagaimanapun beliau berkata, PAS kini lega kerana masalah itu dengan sendirinya akan selesai kerana Tengku Razaleigh sudah menyertai Umno yang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan kuasa raja-raja dan PAS kini hanya menuruti apa yang dilakukan oleh Umno.

Kemelut PAS-S46 sampai kepada kemuncak apabila kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS mengambil keputusan untuk meminda perlembagaan negeri bagi menghadkan kuasa raja yang dianggap telah campur tangan dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Walaupun PAS, S46, Hamim dan Berjasa merupakan rakan kongsi dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang memerintah negeri itu, PAS enggan berunding dengan S46 mengenai cadangan untuk meminda perlembagaan negeri itu.

Ketika ditanya sama ada tindakan Tengku Razaleigh itu bermakna S46 dengan sendirinya terkeluar daripada APU, Nik Aziz berkata: "(Ketika) kita buat APU, satu daripada anggotanya ialah Semangat 46. Jadi bila presidennya sendiri tak ada sekarang dan saya yakin tak ada orang lain yang akan mengendalikan S46 maka APU hanya tinggal PAS, Hamim dan Berjasa".

Dalam hal ini, Nik Aziz, yang juga Mursyid Am PAS tetap berpegang kepada pendiriannya sebelum ini bahawa S46 sudah tidak wujud lagi selepas

Tengku Razaleigh mengisytiharkan dirinya masih bersemangat Umno dan kini sudah menyatakan hasrat untuk kembali semula ke pangkuan Umno pula.

Ketika ditanya sama ada sudah terdapat tanda-tanda adanya anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan daripada S46 yang akan menyertai PAS, Nik Aziz berkata; "Itu saya tak boleh jawab lagi."

Bagaimanapun, beliau berkata, semua anggota DUN itu akan dilayan secara peribadi seperti seorang kawan kecuali jika mereka menunjukkan sikap hendak keluar daripada APU dan kembali ke pangkuan Umno.

Katanya, jika anggota S46 yang lain ingin mengekalkan parti itu tanpa Tengku Razaleigh dan meneruskan kerjasama dalam APU, PAS akan sentiasa melayani mereka dengan baik kerana PAS berpendapat keadaan dan tabiat mereka tidak banyak berbeza daripada anggota PAS sendiri.

Ketika ditanya sama ada PAS sendiri bercadang untuk bekerjasama dengan Umno, menyertai Umno atau bergabung dengan Barisan Nasional, Nik Aziz berkata: "Dunia ini bergerak mengikut sistem persaingan. Bukan sahaja demokrasi berkehendakkan persaingan, sistem Islam juga.

"Kalau tak ada persaingan antara manusia dengan manusia, jahanam langit dan bumi. Dalam perniagaan perlu ada persaingan, dalam kebudayaan, pelajaran semuanya perlu pada persaingan. Maka sudah jadi lumrah dah," katanya. -- BERNAMA

AH NMO